



**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45A-06-01/2016]**

PENDAKWA RAYA

LAWAN

1. IFEANYI ITUENYI

2. EMANUEL KAMANO

UNDANG-UNDANG JENAYAH: Dadah berbahaya - Pengedaran - Pertuduhan dibawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') - Dadah jenis cocaine seberat 3304.6g - Dadah dijumpai di dalam kereta - Tertuduh berada di dalam kereta ketika serbuan - Tertuduh bergelut dengan anggota serbuan - Sama ada dadah adalah dalam pemilikan tertuduh - Sama ada anggapan dibawah s. 37(d) dan 37(da) ADB terpakai - Sama ada tertuduh mempunyai pengetahuan berkenaan dadah

PROSEDUR JENAYAH: Pembelaan - Penafian - Pertuduhan pengedaran dadah berbahaya - Dadah dijumpai di dalam kereta - Tertuduh mendakwa membawa penumpang - Tertuduh kelihatan terkejut ketika serbuan - Tertuduh memberikan kerjasama kepada pegawai serbuan - Sama ada tertuduh telah mematahkan anggapan dibawah s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952

PROSEDUR JENAYAH: Pembelaan - Pembawa tidak bersalah - Pertuduhan pengedaran dadah berbahaya - Dadah dijumpai di dalam sebuah bag yang dibawa tertuduh - Tertuduh mendakwa bag diberikan teman wanita kenalannya - Sama ada doktrin wilful blindness terpakai -



Sama ada tertuduh berupaya untuk memeriksa kandungan bag - Sama ada watak kenalan adalah diwujudkan - Sama ada angapan dibawah s. 37(d) dan 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 telah disangkal

[Tertuduh pertama dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan. Tertuduh disabitkan atas pertuduhan dan dijatuhkan hukuman gantung dileher sehingga mati.]

Kes-kes yang dirujuk:

Gunalan Ramachandran & Ors v. PP [2004] 4 CLJ 551 CA (dirujuk)

Hoh Bon Tong v. PP [2010] 5 CLJ 240 CA (dirujuk)

Leow Nghee Lim v. Regina [1955] 1 LNS 53 HC (dirujuk)

Lew Wai Loon v. PP [2014] 2 CLJ 649 FC (dirujuk)

Mohamad bin Hassan v. PP [1998] 2 MLJ 273 FC (dirujuk)

Mohamad Radhi Yaakob v. Public Prosecutor [1991] 1 CLJ Rep 311 SC (dirujuk)

PP v. Abdul Rahman Akif [2007] 4 CLJ 337 FC (dirujuk)

PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC (dirujuk)

Teuku Nawardin Syamsuar v. PP [2011] 3 CLJ 353 FC (dirujuk)

Perundangan yang dirujuk:

Akta Dadah Berbahaya 1952, ss. 37(d), 37A, 39B(1)(a), Jadual Pertama
Kanun Keseksaan, s. 34

ALASAN PENGHAKIMAN

Pendahuluan

[1] Ifeanyi Ituenyi ('OKT1') dan Emanuel Kamano ("OKT2"),

kedua-duanya warganegara Nigeria, telah dituduh bersama-sama di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB 1952), dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya.

[2] Pertuduhan terhadap OKT1 dan OKT2 tersebut adalah seperti berikut:

“Bahawa kamu, bersama-sama pada 22.6.2015, jam lebih kurang 6.15 petang, di Lebuhraya MRR2 Kepong, Sungai Buloh, dalam daerah Sentul, dalam bandaraya Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan, didapati telah mengedar dadah berbahaya iaitu Cocaine 3304.6 gram (berat bersih). Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama, dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.”

Kes Pendakwaan

[3] Berdasarkan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan, keterangan dokumentar dan barang kes yang dikemukakan, kes pendakwaan adalah seperti berikut:

- (i) Pada 22.6.2015, Inspektor Mohd Zaidi bin Said (SP3) telah menerima maklumat mengenai aktiviti pengedaran dadah yang melibatkan warga Afrika yang akan melalui jalan MRR2, di hadapan kompleks Desa Kepong dengan menaiki kereta jenis Perodua Myvi, bernombor pendaftaran WWD 5575.

- (ii) Seterusnya SP3 telah memberi taklimat kepada anggota pasukannya mengenai maklumat tersebut dan tindakan lanjut yang akan dilaksanakan.
- (iii) Pada jam 4.00 petang, hari yang sama, SP3 dan anggota pasukannya telah menuju ke Jalan MRR2 Kepong dan mengarahkan anggota pasukannya itu membuat pemerhatian di tepi jalan di Kompleks Desa Kepong iaitu lebih kurang 10 meter dari jalan raya.
- (iv) Setelah pemerhatian dibuat selama 2 jam di tempat tersebut, iaitu lebih kurang jam 6.00 petang, SP3 melihat sebuah kereta Myvi WWD 5575 lalu di hadapan SP3 dan SP3 serta anggota pasukannya telah mengekori kereta tersebut dengan kereta yang mereka naiki. SP3 juga telah memberi arahan melalui 'walkie-talkie' kepada anggota pasukannya untuk membuat serbuan terhadap kereta WWD 5575 apabila berpeluang berbuat demikian.
- (v) Selanjutnya, setelah kereta WWD 5575 tersebut diekori sejauh 800 meter, pada 6.15 petang, kereta yang dinaiki oleh SP3 telah memintas dan menghalang kereta WWD 5575 berkenaan di hadapan kereta tersebut sementara sebuah lagi kereta anggota pasukannya telah menghalang di belakang kereta berkenaan.
- (vi) Apabila kereta WWD 5575 tersebut berhenti, SP3 telah meluru

ke kereta berkenaan dan membuka pintu di bahagian pemandu dan mematikan enjin kereta tersebut lalu merampas kunci kereta berkenaan.

- (vii) Semasa tangkapan dibuat terhadap OKT2, OKT2 tidak memberi kerjasama dan berlaku pergelutan antara OKT2 dengan anggota serbuan. OKT1 pula, kelihatan terkejut tetapi telah memberi kerjasama kepada pihak polis. Kedua-dua OKT seterusnya telah ditangkap oleh pihak polis.
- (viii) Selanjutnya, SP3 telah membuat pemeriksaan dalam kereta WWD 5575 tersebut dan menemui 2 bag plastik putih bertulisan 'Abu Dhabi Duty Free' (P12 dan P28) di lantai, tempat duduk belakang kereta berkenaan. Di dalam plastik putih (P12) tersebut di dalamnya ada ditemui keseluruhannya 136 ketulan dibalut plastik lut sinar disyaki dadah jenis Cocaine dan di dalam plastik putih (P28), SP3 temui 126 ketulan dibaluti plastik lut sinar juga disyaki dadah jenis Cocaine. Selain itu, terdapat juga coklat ditemui di dalam kedua-dua bungkusan plastik berkenaan.
- (ix) Pada 26.6.2015, ketulan-ketulan disyaki dadah Cocaine tersebut telah dihantar kepada Ahli Kimia (SP2) di Jabatan Kimia Malaysia di Petaling Jaya untuk dianalisa dan hasil analisa mengesahkan ketulan-ketulan tersebut adalah dadah cocaine yang keseluruhannya seberat 3304.6 gram dan cocaine adalah dadah berbahaya di bawah Jadual Pertama, Akta Dadah

Berbahaya 1952.

Hujah Pihak Pembelaan Di Akhir Kes Pendakwaan

[4] Pihak pembelaan antara lain berhujah bahawa :

- (i) OKT1 dan OKT2 tiada pengetahuan mengenai dadah dalam kedua-dua bag plastik yang dirampas dalam kereta WWD 5575 tersebut. Kedua-dua OKT hanya merupakan 'innocent carrier'.
- (ii) Pemilikan dadah dalam kereta tersebut oleh OKT1 dan OKT2 adalah hanya pemilikan semata-mata atau pemilikan pasif kerana menyangkakan kandungan bag- bag plastik tersebut adalah coklat seperti yang dimaklumkan seseorang yang bernama 'Johnson'.
- (iii) Berlakunya ketidakadilan (miscarriage of justice) kerana kegagalan pihak pendakwaan menyiasat pembelaan OKT1 dan OKT2 yang antaranya:
 - (a) gagal mengesan perempuan India yang menyerahkan bag-bag plastik yang mengandungi dadah tersebut kepada OKT2.
 - (b) gagal menyiasat kandungan telefon bimbit OKT2 bagi mengesahkan kewujudan Johnson dan perempuan India berkenaan.

- (c) gagal mendapatkan rakaman CCTV di Restoran KFC Kepong berkenaan.
- (iv) Ketiadaan cap jari OKT1 dan OKT2 pada barang-barang kes yang dikemukakan di Mahkamah telah menjejaskan kes pendakwaan.
- (v) Dihujahkan juga terdapat kelompangan dalam rantaian pengendalian barang kes sehingga telah menyebabkan keraguan berhubung identiti barang kes. Ini adalah kerana tempoh masa barang kes dirampas sehingga SP3 menyerahkan kepada pegawai penyiasat (SP4) adalah 11 jam. SP3 pula hanya membuat laporan polis selepas 7 jam dari masa serbuan dibuat. Dihujahkan juga dari jam 9.00 malam 22.6.2015 sehingga 5.00 pagi 23.6.2015 barang kes berada di kawasan terbuka tanpa ada kawalan akses keluar masuk.
- (vi) Seterusnya dihujahkan bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen 'pengedaran' dadah berbahaya tersebut terhadap kedua-dua OKT.

Hujah Pihak Pendakwaan Di Akhir Kes Pendakwaan

[5] Pihak pendakwaan sebaliknya berhujah antara lain seperti berikut:

- (i) OKT1 dan OKT2 mempunyai pengetahuan dan milikan serta kawalan terhadap dadah-dadah berbahaya yang dirampas dari

kereta WWD 5575 tersebut.

- (ii) OKT1 dan OKT2 dengan niat bersama telah mengedar dadah-dadah berbahaya berkenaan.
- (iii) Tiada terputusnya rantaian pengendalian barang kes keterangan berhubung iaitu dadah-dadah yang dirampas dari kereta WWD 5575 tersebut.

Keputusan Mahkamah Di Akhir Kes Pendakwaan

- [6] Di akhir kes pendakwaan, seperti yang telah sedia maklum, Mahkamah perlu menimbangkan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap OKT-OKT atau sebaliknya. Jika pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes *prima facie* ini, OKT-OKT hendaklah dipanggil untuk membela diri.
- [7] Bagi maksud pertimbangan ini, adalah sesuai diimbaz kembali nas undang-undang berhubung pembuktian kes *prima facie*. Dalam kes Mahkamah Persekutuan, *PP v. Mohd. Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457 dinyatakan:

*“After the amendments to ss. 173(f) and 180 of the CPC, the statutory test has been altered. What is required of a subordinate court and the High Court under the amended section is to call for the defence when it is satisfied that a prima facie case has been made out at the close of the prosecution case. **This requires the court to***

undertake a maximum evaluation of the prosecution evidence when deciding whether to call on the accused to enter upon his or her defence. It involves an assessment of the credibility of the witnesses called by the prosecution and the drawing of inferences admitted by the prosecution evidence. Thus, if the prosecution's evidence admits of two or more inferences, one of which is in the accused's favour, then it is the duty of the court to draw the inference that is favourable to the accused."

Seterusnya dalam kes yang sama dijelaskan:

"ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is 'Yes', then a prima facie case has been made out and the defence should be called. If the answer is 'No' then, prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted."

[8] Berhubung kes terhadap OKT1 dan OKT2, elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah seperti berikut:

- (i) Bahan yang dirampas dari dalam kereta WWD 5575 tersebut adalah dadah berbahaya seperti yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama, Akta Dadah Berbahaya 1952.
- (ii) Dadah berbahaya tersebut adalah dalam milikan OKT1 dan OKT2.

(iii) OKT1 dan OKT2 mengedar dadah berbahaya berkenaan.

[9] Dalam kes ini, keterangan Ahli Kimia (SP2) telah mengesahkan bahawa 292 ketulan-ketulan yang dikemukakan oleh pegawai penyiasat kes ini iaitu SP4 adalah dadah berbahaya di bawah Jadual pertama, Akta Dadah Berbahaya 1952 iaitu Cocaine yang keseluruhannya seberat 3304.6 gram. Oleh itu, elemen dadah berbahaya telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

[10] Berhubung dengan elemen ‘milikan’ pula, Akta Dadah Berbahaya 1952 mempunyai peruntukan-peruntukan ‘anggapan’ yang membantu pembuktian elemen ini iaitu anggapan di bawah seksyen 37(d) yang menyatakan:

“In all proceedings under this Act or any regulation made thereunder:-

*(d) any person who is found to have had in his custody or under his control **anything whatsoever containing any dangerous drug shall, until the contrary is proved, be deemed to have been in possession of such drug and shall, until the contrary is proved, be deemed to have known the nature of such drug;**”*

[11] Sehubungan itu, berdasarkan peruntukan ‘anggapan’ di bawah seksyen 37(d) ini, pihak pendakwaan hanya perlu membuktikan elemen ‘jagaan’ atau ‘kawalan’ oleh OKT1 dan OKT2 terhadap bag-bag

plastik iaitu P12 dan P28 yang berisi dadah berbahaya tersebut. Apabila elemen ‘jagaan’ atau ‘kawalan’ ini dibuktikan, OKT1 dan OKT2 dianggap mempunyai ‘milikan’ dan pengetahuan terhadap dadah-dadah tersebut kecuali dibuktikan sebaliknya.

- [12] Maksud ‘jagaan’ (custody) dan ‘kawalan’ (control) ada dijelaskan dalam kes *Leow Nghee Lim v. Reg* [1959] 22 MLJ 28 di mana di muka surat 29 Hakim Taylor menyatakan:

“Custody means having care or guardianship; goods in custody are in the care of the custodian and, by necessary implication, he is taking care of them on behalf of someone else. You cannot take care of goods unless you know where they are and have the means of exercising control over them. Custody therefore implies knowledge of the existence and whereabouts of the goods and power of control over them, not amounting to possession.”

Di muka surat 32, Hakim yang sama menjelaskan mengenai ‘kawalan’ seperti berikut:

“Control must be prove as a fact and it must arise from the relation of the person to the goods, irrespective of whether they are contraband. An example may make this clearer. Suppose that one of the assistants in this case smoked a particular brand of tobacco, not sold in the shop and to the knowledge of the

accused, kept it in that drawer. No doubt the accused could, at any time, tell the assistant to keep his tobacco somewhere else. He could resume possession of drawer. But so long as he allowed the assistants to keep their small personal things in the drawer, the things were in their control, not his. He could not reasonably order them to throw away harmless tobacco, consistently with the existing arrangement. The argument for control is based solely on the contraband nature of the thing-not on the circumstances in which it was kept."

[13] Kembali kepada kes terhadap kedua-dua OKT, keterangan pendakwaan berikut adalah relevan iaitu:

- (i) OKT1 yang memandu kereta WWD 5575 dan OKT2, penumpang hadapan kereta berkenaan telah ditahan oleh pasukan polis di Jalan MRR2 Kepong, Kuala Lumpur.
- (ii) Hanya OKT1 dan OKT2 berada dalam kereta tersebut semasa serbuan dibuat oleh SP3 dan anggota pasukannya.
- (iii) Semasa tangkapan hendak dibuat terhadap OKT2, OKT2 cuba mengelak tangkapan dan berlaku pergelutan antara OKT2 dan anggota serbuan.
- (iv) Setelah kedua-dua OKT ditangkap, pemeriksaan dalam kereta tersebut oleh SP3 menemui 2 bag plastik putih yang berisi ketulan-ketulan yang kemudiannya disahkan adalah dadah

berbahaya iaitu Cocaine, di lantai tempat duduk belakang kereta berkenaan.

- [14] Berdasarkan keterangan yang dikemukakan ini, saya dapati OKT1 dan OKT2 mempunyai jagaan dan kawalan terhadap bag-bag plastik putih P12 dan P28 yang ditemui dalam kereta WWD 5575 tersebut.
- [15] Seterusnya, apabila ‘jagaan’ atau ‘kawalan’ oleh OKT1 dan OKT2 terhadap bag-bag plastik P12 dan P28 tersebut dibuktikan, anggapan seksyen 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah terpakai iaitu OKT1 dan OKT2 dianggap mempunyai milikan dan pengetahuan terhadap dadah berbahaya berkenaan kecuali dibuktikan sebaliknya.
- [16] Selanjutnya, berkaitan dengan elemen ‘pengedaran’ dadah berbahaya tersebut, **seksyen 37(da)** juga adalah peruntukan ‘anggapan’ yang terpakai dalam kes ini yang menyatakan:

“In all proceedings under this Act or any regulation made thereunder:-

(da) any person who is found in possession of:-

.

.

(ix) 40 grammes or more in weight of Cocaine;

.

.

.

Otherwise than in accordance with the authority in this Act or any other written law, shall be presumed until the contrary is proved, to be trafficking in the said drug.”

- [17] Dalam kes terhadap kedua-dua OKT ini berat Cocaine yang terlibat adalah 3304.6 gram iaitu melebihi berat statutori yang dinyatakan di bawah seksyen 37(da) tersebut. Oleh itu OKT1 dan OKT2 dianggap telah mengedar dadah-dadah tersebut, kecuali dibuktikan sebaliknya.
- [18] Dinyatakan juga di sini, bahawa kes ini adalah selepas dari tarikh pindaan ADB 1952 yang mewujudkan seksyen 37A berkuat kuasa pada 15.2.2014. Seksyen ini membolehkan ‘anggapan’ berganda digunakan yang sebelum ini tidak boleh digunakan berdasarkan keputusan kes Mahkamah Persekutuan, *Mohamad bin Hassan v. PP* [1998] 2 MLJ 273.

Seksyen 37A tersebut memperuntukkan:

“37A. Notwithstanding anything under any written law or rule of law, a presumption may be applied under this part in addition to or in conjunction with any other presumptions provided under this Part or any other written law.”

Isu-isu lain yang berbangkit

Identiti Dadah

- [19] Pihak pembelaan mempertikaikan identiti dadah dalam kes ini. Berkaitan isu ini, apa yang penting adalah dadah yang dirampas dari kereta WWD 5575 tersebut adalah dadah yang sama dianalisa oleh Ahli Kimia (SP3) dan tiada terputuskan rantaian keterangan yang

boleh menjejaskan identiti dadah-dadah tersebut.

- [20] Mahkamah Rayuan dalam kes *Gunalan Ramachandran & Ors v. Public Prosecutor* [2004] 4 CLJ 551 ada menjelaskan isu ini seperti berikut:

“First, by way of general observation, I am of the view that, in a drug trafficking case what is important is that it must be proved that it is the substance that was recovered that was sent to the chemist for analysis and it is that same substance that is found to be heroin or cannabis etc and it is in respect of that substance that an accused is charged with trafficking. So, the chain of evidence is more important for the period from the time of recovery until the completion of the analysis by the chemist. Even then it does not necessarily mean that if the exhibit is passed from one person to another, every one of them must be called to give evidence of the handing over from one person to another and if there is a break, even for one day, the case falls. There should be no confusion between what has to be proved and the method of proving it. What has to be proved is that it is the substance that was recovered that was analysed by the chemist and found to be heroin, cannabis etc, and it is for the trafficking of that same substance that the accused is charged with.”

(rujuk juga kes *Teuku Nawardin Syamsuar v. PP* [2011] 3 CLJ 353).

[21] Selain itu, rujukan kepada kes Mahkamah Persekutuan *Liew Wai Loon v. PP* [2014] 2 CLJ 649, adalah sesuai, di mana dijelaskan di muka surat 659 seperti berikut:-

*“[27] Accordingly in the present case, we would say that discrepancies in weight alone of an exhibit such as a drug should not ipso facto cast doubt on its identity. **There are other primary factors to consider such as the facts and/or events that from the foundation for its admission as a piece of evidence. On fact and or event to consider is whether there is any break in the handling or custody, which tantamount to a break in the chain of evidence. If such event occurred than that should case a doubt in the exhibit as reliable and trustworthy piece of evidence. (See Su Ah Ping v. PP [1979] 1 LNS 100, [1980 1 MLJ 75, Eng Sin v. PP [1974] 1 LNS 33; [1974] 2 MLJ 168).**”*

[22] Keterangan dalam kes ini menunjukkan bahawa ketua serbuan (SP3) yang merampas kedua-dua bag plastik (P12 dan P28) dari kereta WWD 5575 telah membuat penandaan dan menurunkan tandatangan serta tarikh pada semua barang kes. Bagi bag plastik (P12), SP3 tandakan ‘A’ dan bagi bag plastik (P28), SP3 tandakan ‘B’ selain dari menandatangani P12 dan P28 tersebut serta meletakkan tarikh pada kedua-dua bag plastik berkenaan. SP3 juga membuat penandaan pada pembalut setiap ketulan dadah yang dirampas tersebut seperti dilihat dalam gambar P7(15-23). Di Mahkamah, SP3 mengecam semua

penandaan, tandatangan dan tarikh yang dibuat oleh SP3 pada semua barang kes berkenaan.

- [23] Barang-barang kes termasuk dadah tersebut seterusnya SP3 telah serahkan kepada pegawai penyiasat SP4 dan satu Borang Serah Menyerah Barang Kes yang memperincikan semua barang kes termasuk dadah-dadah tersebut ditandatangani oleh SP3 dan SP4.
- [24] Seterusnya, SP4 telah membuat penandaan pada barang kes yang diterima termasuk pada balutan ketulan-ketulan dadah berkenaan. SP4 juga telah mengecam semua penandaan yang dibuat pada bag plastik P12 dan P28 dan pada pembalut ketulan-ketulan dadah berkenaan.
- [25] Selanjutnya, pada 26.6.2015, Ahli Kimia (SP3) mengesahkan menerima barang kes iaitu ketulan-ketulan disyaki dadah tersebut dari SP4 yang mempunyai penandaan-penandaan yang dibuat oleh SP4 dan hasil analisis oleh SP4 mengesahkan ketulan-ketulan tersebut adalah dadah berbahaya iaitu Cocaine dengan berat keseluruhannya 3304.6 gram.
- [26] Berdasarkan keterangan yang dinyatakan, saya dapati dadah yang dirampas dari kereta WWD 5575 tersebut adalah dadah yang sama yang dianalisis oleh Ahli Kimia (SP3). Saya juga dapati tiada putusya rantaian keterangan berhubung dadah berkenaan yang boleh menyebabkan identiti dadah dalam kes ini dipertikaikan. SP3 juga telah menjelaskan berhubung kelewatan barang kes diserahkan kepada

SP4 kerana barang kes yang terlibat adalah banyak dan penandaan yang dibuat pada kesemua barang kes memakan masa yang lama.

Isu Cap Jari

[27] Berhubung isu cap jari, keterangan cap jari yang positif pada barang kes hanya merupakan suatu keterangan sokongan mengenai penglibatan OKT1 dan OKT2. Walau bagaimanapun, tanpa keterangan cap jari ini tidak bermakna OKT1 dan OKT2 tiada kaitan dengan dadah berkenaan atau tiada jagaan atau kawalan terhadap dadah-dadah tersebut bagi menunjukkan elemen ‘milikan’ oleh OKT1 dan OKT2 terhadap dadah-dadah berkenaan.

[28] Dalam kes *Gunalan a/l Ramachandran (supra)*, isu keterangan cap jari ini dijelaskan seperti berikut:

“[38] It was submitted that there was no nexus between the appellants and the drug. Even though the packets containing the drug were sent to PW7 for finger printing impression, no finger printing impression sufficient for analysis could be lifted. Hand swaps and nail clippings were not taken.

[39] In my view, such evidence, if any, would add to other available evidence of possession. Without it, it does not necessarily mean that possession is not proved. In view of what I have said earlier regarding proof of possession as found by the learned judge on the facts and in the circumstances of this

case, the inability to lift sufficient finger print impressions from the packets for analysis and the failure to take hand swaps and finger nail clippings does not in any way effect that finding of possession by the learned judge. This ground too fails.”

Ketidakadilan (Miscarriage of Justice)

- [29] Pihak pembelaan juga membangkitkan isu ketidakadilan pihak pendakwaan bagi memastikan siasatan dibuat terhadap pembelaan OKT1 dan OKT2.
- [30] Berhubung isu ini, SP4 telah menjelaskan bahawa SP4 telah cuba mengesan perempuan India yang dinyatakan oleh OKT 2 dengan meneliti CCTV di Restoran KFC di Kepong tetapi tidak dapat dilihat oleh SP4. Selain itu, SP4 juga tidak mempunyai butiran terperinci mengenai perempuan India berkenaan. SP4 juga menjelaskan, tiada CCTV di luar restoran KFC tersebut kecuali 2 di kawasan ‘drive thru’ restoran berkenaan. Oleh sebab itu, tiada rakaman CCTV yang diambil dari restoran KFC tersebut.
- [31] Secara keseluruhan, saya dapati tiada ketidakadilan dalam kes ini yang menjejaskan pembuktian kes pendakwaan terhadap OKT1 dan OKT2.
- [32] Sehubungan itu juga, berdasarkan penilaian maksima terhadap keterangan kes pihak pendakwaan dan pertimbangan terhadap isu- isu yang dibangkitkan, saya dapati, pihak pendakwaan telah membuktikan

suatu kes *prima facie* bagi pertuduhan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang dikemukakan terhadap OKT1 dan OKT2. Sehubungan itu juga OKT1 dan OKT2 dipanggil untuk membela diri bagi pertuduhan berkenaan.

Kes Pembelaan

[33] OKT 1 dalam keterangan pembelaannya menyatakan antara lain seperti berikut:

- (i) Pada 22.6.2015, OKT1 telah pergi ke sebuah restoran Afrika di Damansara Perdana untuk makan tengah hari. Pada ketika itu, OKT2 telah datang menemui OKT1 dan bertanya sama ada OKT1 boleh membawa OKT2 dengan kereta OKT1 ke Kepong untuk mengambil coklat dari seorang perempuan.
- (ii) OKT1 bersetuju membantu OKT2 dengan syarat OKT2 perlu mengisi minyak kereta OKT1.
- (iii) Seterusnya, OKT1 telah membawa OKT2 dengan kereta isteri OKT1 iaitu Myvi bernombor pendaftaran WWD 5575 ke sebuah stesen minyak. OKT2 kemudian memberi kepada OKT1 wang RM50.00 dan OKT1 telah mengisi minyak kereta sebanyak RM30.00.
- (iv) Mereka seterusnya telah pergi ke Kepong menaiki kereta tersebut dan apabila tiba di Kepong, OKT2 meminta OKT1 ke

restoran KFC di situ dan OKT1 telah parkir kereta berkenaan di bahagian belakang restoran KFC tersebut.

- (v) Selanjutnya, OKT2 telah keluar dari kereta berkenaan selepas membuat satu panggilan telefon semasa masih berada dalam kereta. OKT2 kemudian menuju masuk ke dalam restoran KFC tersebut dan keluar semula tidak lama selepas itu. OKT1 menunggu di dalam kereta berkenaan lebih kurang 2 hingga 5 minit.
- (vi) Semasa OKT2 masuk ke dalam kereta, OKT2 ada membawa bag-bag plastik. OKT1 kemudian bertanya, 'are you done' dan OKT2 menjawab 'yes'. OKT1 kemudian memandu kereta tersebut dan apabila tiba berhampiran Kepong Central, 2 buah kereta telah menghalang kereta yang dipandu oleh OKT1 berkenaan.
- (vii) Seterusnya, beberapa orang yang memperkenalkan diri sebagai polis telah menyerbu dan menangkap OKT1 dan OKT2. Mereka kemudian dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah, Sungai Buloh.
- (viii) OKT1 juga tidak memeriksa bag-bag plastik yang dibawa masuk oleh OKT2 ke dalam kereta yang dipandu oleh OKT1 tersebut dan tiada pengetahuan mengenai dadah dalam bag-bag plastik berkenaan.
- (ix) OKT2 juga tidak pernah memberitahu OKT1 mengenai

‘Johnson’ dan OKT1 hanya mengetahui mengenai ‘Johnson’ ini semasa berada di Lokap Balai Palis Jinjang.

- (x) OKT1 juga menyatakan OKT1 ada menyediakan perkhidmatan kereta untuk disewa dengan bayaran RM50.00 satu jam dan sehari dengan bayaran RM150.00. Walau bagaimanapun, OKT1 hanya meminta OKT2 mengisi minyak kereta dan hanya untuk menolong OKT2 membawa OKT2 ke Kepong.

[34] OKT2 pula dalam keterangannya menyatakan antara lain seperti berikut:

- (i) Pada 22.6.2015, OKT2 telah pergi ke sebuah restoran Afrika di Damansara Perdana. Di restoran tersebut OKT2 telah bertemu seorang warga Afrika bernama ‘Johnson’. Johnson kemudian telah meminta tolong dari OKT2 untuk mengambil coklat dari teman wanita Johnson di restoran KFC di Kepong.
- (ii) Johnson juga telah memberi OKT2 wang RM200.00 untuk mengambil coklat tersebut dan memberikan nombor telefon bimbit Johnson dan nombor telefon bimbit teman wanitanya itu.
- (iii) Pada jam lebih kurang 4.00 petang hari tersebut, OKT2 bertemu OKT1 di restoran Afrika tersebut dan meminta OKT1 menghantar OKT2 ke restoran KFC di Kepong dan ada memberi OKT1 wang RM50.00 untuk OKT1 mengisi minyak kereta.

- (iv) Apabila sampai di restoran KFC Kepong, OKT2 telah menelefon teman wanita 'Johnson' dan wanita tersebut telah meminta OKT2 masuk ke dalam restoran KFC berkenaan.
- (v) Seterusnya, apabila OKT2 masuk kedalam restoran KFC tersebut, OKT bertemu dengan seorang perempuan berbangsa India yang bertanya sama ada OKT2 adalah kawan kepada Johnson.
- (vi) Setelah disahkan OKT2 adalah kawan 'Johnson', perempuan bangsa India tersebut kemudian telah menyerahkan 2 bag plastik kepada OKT2 (P12 dan P28) dan menyatakan ianya berisi coklat untuk diberikan kepada 'Johnson'. OKT2 mengambil 2 plastik berkenaan dan beredar keluar dari restoran KFC tersebut menuju ke kereta yang dipandu oleh OKT1. Di kereta tersebut, OKT2 telah meletakkan 2 bag plastik berkenaan di bahagian tempat duduk belakang kereta tersebut.
- (vii) Seterusnya, kereta WWD 5575 yang dipandu oleh OKT1 berkenaan dan OKT2 yang duduk di kerusi hadapan di sebelah OKT1 telah menuju ke restoran di Damansara Perdana.
- (viii) Dalam perjalanan iaitu di Kepong Central, kereta yang mereka naiki telah dipintas dan ditahan oleh beberapa orang yang bersenjata pistol yang kemudian memperkenalkan diri mereka sebagai polis.

- (ix) OKT2 dan OKT1 seterusnya ditangkap dan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Sungai Buloh.
- (x) OKT2 hanya mengetahui kedua-dua bag plastik berkenaan berisi dadah hanya semasa OKT2 berada di lokap Balai Polis Jinjang.

[35] Di samping itu, pihak pembelaan juga telah memanggil isteri kepada OKT1 iaitu SD3 dan keterangan SD3 antara lain adalah seperti berikut:

- (i) OKT1 adalah suami kepada SD3.
- (ii) Kereta WWD 5575 tersebut adalah kereta milik SD3 yang dibeli pada tahun 2012.
- (iii) Kereta tersebut selalunya digunakan oleh SD3 dan ada juga digunakan oleh OKT1.
- (iv) Kereta tersebut juga ada kalanya disewakan pada kadar RM150.00 sehari atau RM50.00 sejam.
- (v) Pada 22.6.2015, OKT1 membawa kereta tersebut dan telah memaklumkan kepada SD3 bahawa OKT1 hendak ke kedai Dobi.

[36] Seterusnya, pihak pembelaan juga telah memanggil seorang lagi saksi iaitu Obanyu Sunday Anthony (SD4), seorang warga Afrika yang sedang ditahan di penjara atas kesalahan mengedar dadah di bawah

seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Secara kesimpulannya, keterangan SD4 adalah SD4 mengenali seorang yang bernama 'Johnson' yang berasal dari kampung yang sama dengan SD4.

- [37] Johnson yang gambarnya dikemukakan di Mahkamah iaitu D54 (a hingga d) adalah Johnson yang sama dimaklumkan oleh OKT2 kepada SD4. SD4 juga menyatakan Johnson ini ada terlibat dalam perniagaan dadah.

Keputusan Mahkamah Di Akhir Kes Pembelaan

- [37] Pada peringkat akhir kes pembelaan ini, beban pihak pembelaan bagi mendapatkan perintah perlepasan dan pembebasan adalah hanya untuk menimbulkan suatu keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Sekiranya beban ini dapat dipenuhi, perintah perlepasan dan pembebasan akan dikeluarkan walaupun versi pembelaan dipertikaikan.

(rujuk *Mohd. Radhi Yaakob v. PP* [1991] 1 CLJ (Rep) 311 dan *PP v. Abdul Rahman bin Akif* [2007] 4 CLJ 337).

- [38] Pembelaan OKT1 adalah OKT1 telah diminta oleh OKT2 menghantar OKT2 ke restoran KFC Kepong dengan kereta milik isteri OKT1 untuk mengambil coklat dan OKT1 tiada pengetahuan mengenai dadah dalam bag-bag plastik yang dibawa masuk oleh OKT2 ke dalam kereta yang dipandunya itu.

[39] Penelitian saya terhadap keterangan sedia ada mendapati peranan OKT1 secara keseluruhannya adalah seperti berikut:

- (i) OKT1 bertemu OKT2 di restoran Afrika di Damansara Perdana dan diminta oleh OKT2 membawa OKT2 dengan kereta ke restoran KFC di Kepong untuk mengambil bungkusan coklat dari seorang wanita.
- (ii) OKT1 bersetuju membawa OKT2 ke restoran KFC Kepong dan OKT1 diberi RM50.00 untuk mengisi minyak kereta.
- (iii) Apabila sampai di restoran KFC Kepong, OKT1 hanya menunggu di dalam kereta tersebut.
- (iv) OKT1 kemudian memandu kereta berkenaan untuk pulang ke Damansara Perdana setelah OKT2 kembali semula ke kereta dengan membawa bag-bag plastik ke dalam kereta berkenaan.
- (v) OKT1 dan OKT2 kemudian ditahan oleh pihak polis semasa dalam perjalanan ke Damansara Perdana iaitu semasa di Kompleks Desa Kepong.
- (vi) OKT1 tidak dimaklumkan oleh OKT2 mengenai 'Johnson' dan hanya mengetahui mengenai 'Johnson' semasa di lokap Balai Polis Jinjang.

[40] Keterangan OKT1 ini disokong oleh keterangan OKT2 dan juga rakaman percakapan kedua-dua OKT iaitu D51 dan D52 yang

dikemukakan pada peringkat kes pendakwaan.

- [41] Di samping itu, OKT1 juga ada menyediakan perkhidmatan menyewa kereta dan ini disokong dengan keterangan isteri OKT1 iaitu SD3. Oleh itu, bukan sesuatu yang luar biasa untuk OKT1 membawa OKT2 ke Kepong walaupun OKT2 hanya membayar duit minyak kereta.
- [42] Apa yang lebih utama, selain OKT1 hanya membawa kereta berkenaan di mana dadah tersebut ditemui di dalamnya, tiada **keterangan** lain yang dapat mengaitkan OKT1 **dengan dadah** dalam **bag** plastik P12 dan P28 berkenaan.
- [43] Pembelaan OKT1 bahawa OKT1 tidak mengetahui mengenai kandungan bag P12 dan P28 yang berisi dadah tersebut selaras dengan reaksi OKT1 semasa ditangkap menurut saksi pendakwaan SP3 iaitu OKT1 dalam keadaan terkejut tetapi memberi kerjasama kepada pihak polis.
- [44] Dapatan saya adalah berdasarkan keterangan OKT1, OKT2, D51 dan D52, secara kumulatif, telah menyangkal anggapan 'milikan' dan pengetahuan di bawah seksyen 37(d) ADB 1952 terhadap dadah dalam bag plastik P12 dan P28 dalam kereta yang dipandu oleh OKT1 berkenaan.
- [45] Seterusnya, tanpa elemen milikan dalam kes ini, anggapan 'pengedaran' di bawah seksyen 37(da) adalah juga disangkal kerana elemen milikan adalah pra-syarat kepada pemakaian 'anggapan' di

bawah seksyen 37(da) tersebut.

- [46] Sehubungan itu juga, saya dapati berdasarkan keseluruhan keterangan, OKT1 telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.
- [47] Justeru itu, OKT1 dilepaskan dan dibebas dari pertuduhan di bawah seksyen 398(1)(a) yang dikemukakan terhadap OKT1.
- [48] Pembelaan OKT2 pula pada, asasnya adalah OKT2 hanya mengambil bungkusan coklat dari teman wanita Johnson di restoran KFC di Kepong tanpa mengetahui 2 bungkusan plastik berkenaan ada berisi dadah berbahaya.
- [49] Berhubung pembelaan OKT2 ini pertamanya, OKT2 menyatakan OKT2, tidak mengenali 'Johnson' dan tidak pernah bercakap dengan Johnson sebelum tarikh 22.6.2015 tersebut. OKT2 juga tidak tahu di mana Johnson tinggal. Berdasarkan fakta ini, adalah sesuatu yang luar dari kebiasaan untuk OKT2, pada 22.6.2015 telah terus setuju untuk menolong 'Johnson' untuk mengambil satu bungkusan coklat dari teman wanita Johnson di restoran KFC di Kepong. Lebih-lebih lagi OKT2 tidak mempunyai kenderaan sendiri dan terpaksa bersusah payah meminta tolong OKT1 untuk menghantar OKT2 ke Kepong dengan kereta yang dipandu oleh OKT1.
- [50] OKT2 juga langsung tidak bertanya mengapa Johnson sendiri tidak pergi mengambil coklat dari teman wanita Johnson tersebut.

- [51] Seterusnya Johnson sanggup membayar jumlah wang yang agak banyak iaitu RM200.00 untuk OKT2 mengambil coklat berkenaan. Fakta Johnson yang tidak menyatakan mengapa Johnson sendiri tidak mengambil coklat dari teman wanitanya dan sanggup membayar RM200.00 kepada OKT2, seharusnya menimbulkan tanda tanya dan kecurigaan kepada OKT2.
- [52] Selain itu, OKT2 langsung tidak memaklumkan kepada OKT1 bahawa Johnson telah meminta OKT2 mengambil coklat tersebut semasa meminta OKT1 menghantar OKT2 mengambil coklat berkenaan di KFC Kepong. OKT1 hanya mengetahui mengenai Johnson semasa berada di dalam lokap di Balai Polis Jinjang. Jika cerita mengenai Johnson ini benar, tentunya OKT2 telah memaklumkan kepada OKT1 mengenai permintaan Johnson tersebut semasa meminta OKT1 membantu membawa OKT2 ke KFC Kepong berkenaan.
- [53] Selain itu perbuatan OKT2, menghalang polis menahannya hingga berlaku pergelutan di tempat kejadian membolehkan juga inferen dibuat bahawa OKT2 mengetahui bahawa OKT2 ada membawa barang salah iaitu dadah di dalam kereta tersebut.
- [54] Selanjutnya, kedua-dua bag plastik ‘Abu Dhabi Duty Free’ (P12 dan P28) yang berisi dadah tersebut adalah bag plastik yang boleh dibuka dengan mudah untuk dilihat kandungannya. Oleh itu, OKT2 mempunyai peluang untuk memeriksa kandungan kedua-dua bag plastik berkenaan semasa mengambilnya dari perempuan India di KFC

Kepong tersebut dan sehingga dibawa ke kereta yang dipandu oleh OKT1, tetapi ini tidak dilakukan oleh OKT2. Di sini, dapatan saya adalah doktrin ‘wilfull blindness’ adalah terpakai dalam kes ini seperti yang dijelaskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Hoh Bon Tong v. PP* [2010] 5 CLJ 240 seperti berikut:

“[73]The defence of innocent carrier must necessarily bring into the picture the concept of wilful blindness. And according to Yong Pung How Cj (Singapore) in Public Prosecutor v. Hla Win (supra) at p. 438, ‘the concept of wilful blindness qualities are requirement of knowledge’. And his Lordship continues further by saying (at the same page):

As Professor Glanville William apply remarked in his Textbook on Criminal Law, at p. 125:

... the strict requirement of knowledge in qualified by the doctrine of wilful blindness. This is meant to deal with those whose philosophy is: Where ignorance is bliss. ‘this folly to be wise. ‘To argue away inconvenient truths is a human failing. If person deliberately ‘shuts his eyes’ to the obvious, because he ‘doesn’t want to know’, ‘he is taken to know’.

Continuing at the same page, his Lordship said:

In Ubaka v. PP [1995] 1 SLR 267, the principles laid

down in Warner v. Metropolitan Police Commissioner [1968] 1 All ER 356; [1968] 2 WLR 1303 and modified in Tan Ah Tee v. PP [1980] 1 MLJ 49 were applied by the trial judge. In its grounds of judgment, this court quoted the following passage by the trial judge.

Ignorance is a defence when there is no reason for suspicious and no right and opportunity of examination, and ignorance simpliciter is not enough’.

- [55] Dalam kes ini, OKT2 mempunyai alasan untuk mencurigai permintaan oleh ‘Johnson’ dan mengenai mengandungi kandungan bag P12 dan P28 tersebut. OKT2 juga mempunyai peluang untuk memeriksa kandungan kedua-dua bag plastik berkenaan, tetapi gagal berbuat demikian.
- [56] Berdasarkan huraian ini, inferen yang dapat dibuat adalah OKT 2 mempunyai pengetahuan terhadap dadah-dadah dalam bag-bag plastik berkenaan.
- [57] Saya juga dapati, watak ‘Johnson’ ini walaupun wujud seperti dinyatakan oleh OKT2 dan SD4 adalah tiada kaitan dengan kes pengedaran dadah oleh OKT2 ini.
- [58] Berdasarkan keseluruhan keterangan juga, saya dapati OKT2 gagal menyangkal anggapan ‘milikan’ dan pengetahuan di bawah seksyen 37(d) ADB 1952.

- [59] Saya juga dapati fakta OKT2 yang membawa bag plastik P12 dan P28 yang berisi dadah dari restoran KFC Kepong sehingga ditangkap di Kompleks Desa Kepong dalam kereta WWD 5575 tersebut dan dengan jumlah dadah yang besar dalam kes ini menyokong inferen bahawa ianya adalah bagi maksud pengedaran.
- [60] Seterusnya, berdasarkan penilaian yang berasingan, saya dapati OKT2 juga telah gagal menyangkal anggapan pengedaran di bawah seksyen 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952.
- [61] Sehubungan itu juga, pihak pendakwaan telah membuktikan kes pendakwaan terhadap OKT2 disebalik keraguan yang munasabah bagi pertuduhan di bawah seksyen 398(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.
- [62] Di sini, walaupun OKT1 yang dituduh bersama OKT2 dengan niat bersama di bawah seksyen 34 Kanun Keseksaan kerana melakukan kesalahan berkenaan telah dilepaskan dan dibebaskan, saya mendapati keterangan yang ada jelas menunjukkan OKT2 sendiri telah melakukan kesalahan substantif iaitu kesalahan di bawah seksyen 398(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Kesalahan terhadap OKT2 ini telah dibuktikan tanpa bantuan pemakaian seksyen 34, Kanun Keseksaan berkenaan.

Kesimpulan

- [63] Justeru itu, OKT2 disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.



[64] Oleh itu juga, saya menjatuhkan hukuman gantung di leher sehingga mati terhadap OKT2.

(NORDIN HASSAN)
PESURUHJAYA KEHAKIMAN
MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR.

Bertarikh: 16 JANUARI 2017

Kaunsel:

*Bagi pihak pendakwa raya - Ezrene Zakariah, Timbalan
Pendakwaraya*

*Bagi pihak OKT 1 - N Sivananthan; T/n Sivananthan & Co
Peguambela dan Peguamcara.*

*Bagi pihak OKT2 - Norman Mohd Nasir; T/n Khairul Hanafi &
Associates
Peguambela dan Peguamcara.*